



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**13 FEBRUARI 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 3,891 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 274,260 kes. Lima (5) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing dua (2) kes di daerah Tuaran dan Tawau dan satu (1) kes di Telupid. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 620 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 244,722 orang. Manakala 2,776 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,226 orang di hospital, 1,417 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 130 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan tiga (3) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 39 orang merangkumi 36 di ICU/repurposed kritikal *care* serta tiga (3) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 20 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 43 (21.94%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Jingga satu (1) daerah.
- Zon Merah 26 daerah.

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

### i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Sabah mencatatkan jangkitan baharu sebanyak 3,891 kes hari ini dengan sedikit penurunan 216 kes berbanding jumlah semalam.
- b. Kota Kinabalu terus mencatatkan kes tertinggi di Sabah dengan 914 kes (-315) tetapi jauh lebih rendah daripada catatan semalam. Tiga (3) daerah merekodkan peningkatan yang banyak iaitu Tuaran 414 kes (+143), Sandakan 478 kes (+95) dan Papar 256 kes (+92) . Kota Belud mencatatkan penurunan sebanyak -98 kes namun masih lagi kekal dengan catatan kes tiga (3) angka.
- c. Kes-kes jangkitan secara sporadik (Saringan Bergejala) menjadi faktor dan penentu utama jumlah kes di daerah-daerah yang mencatat kes harian yang tinggi. Secara keseluruhan 58.52% (2,277) daripada 3,891 kes hari ini adalah kes-kes Saringan Bergejala yang berpunca daripada jangkitan sporadik. Peratusan kes-kes jangkitan sporadik di daerah-daerah yang mencatatkan kes tiga (3) angka adalah tinggi; Kota Kinabalu 68%, Sandakan 78%, Tuaran 49.2%, Penampang 45.7%, Papar 55.8%, Tawau 57.1%, Lahad Datu 60.8%, Beaufort 52.6%, Ranau 85.7% dan Kota Belud 42%.
- d. Kita boleh rumuskan bahawa peratusan jangkitan secara sporadik (bergejala) yang tinggi adalah penyebab kepada perebakan virus yang begitu cepat dan meluas di kawasan-kawasan tersebut dan akan menjadi faktor penentu kepada jumlah kes baharu dalam masa terdekat. Walaupun jumlah hari ini turun sedikit berbanding semalam tetapi kemungkinan besar tidak akan bertahan dengan mengambilkira peratusan kes-kes jangkitan sporadik yang amat tinggi.
- e. Kes-kes jangkitan virus ke atas kanak-kanak kecil adalah agak tinggi. Hari ini terdapat 189 kanak-kanak di bawah umur 5 tahun dan 329 kanak-kanak yang berumur antara 5 - 11 tahun (belum menerima vaksin) dijangkiti virus COVID-19. Amatlah dianjurkan agar para ibu bapa dan pengurusan sekolah mengambil langkah-langkah perlu untuk mengurangkan risiko jangkitan keatas anak-anak kecil apatah lagi mereka yang belum layak diberi vaksin.

- f. Pada hari ini, 99.74% atau 3,881 daripada 3,891 pesakit adalah dalam Kategori 1 dan 2; empat (4) pesakit dalam Kategori 3, empat (4) dalam Kategori 4 dan dua (2) orang dalam Kategori 5.
- g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (1,390) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

**ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	41	1.05%
2	Kontak	1,390	35.72%
3	Bergejala	2,277	58.52%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	183	4.70%
<b>JUMLAH</b>		<b>3,891</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (12 Februari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 12/02/2022</b>	<b>Catatan Kes 13/02/2022</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Tuaran	271	414	+143
2	Sandakan	383	478	+95
3	Papar	164	256	+92
4	Kunak	51	75	+24
5	Putatan	47	64	+17
6	Tongod	0	14	+14
7	Tambunan	18	26	+8
8	Telupid	29	36	+7
3	Ranau	114	119	+5
10	Nabawan	14	18	+4
11	Kuala Penyu	57	60	+3
12	Kalabakan	6	7	+1
13	Lahad Datu	184	184	Mendatar
14	Sipitang	48	48	Mendatar
15	Kota Kinabalu	1,229	914	-315
16	Kota Belud	198	100	-98
17	Kinabatangan	56	18	-38
18	Penampang	424	389	-35
19	Kota Marudu	104	72	-32
20	Beluran	53	27	-26
21	Kudat	60	39	-21
22	Keningau	92	75	-17
23	Semporna	68	51	-17
24	Tawau	261	245	-16
25	Tenom	28	18	-10
26	Beaufort	136	133	-3
27	Pitas	12	11	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>4,107</b>	<b>3,891</b>	<b>-216</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	8	249	623	0	34	914	5,674
Sandakan	0	69	373	0	36	478	3,532
Tuaran	0	195	204	0	15	414	2,386
Penampang	0	207	178	0	4	389	2,555
Papar	0	103	143	0	10	256	1,551
Tawau	0	84	140	0	21	245	1,570
Lahad Datu	0	49	112	0	23	184	1,256
Beaufort	0	57	70	0	6	133	884
Ranau	0	6	102	0	11	119	962
Kota Belud	3	52	42	0	3	100	815
Keningau	0	48	26	0	1	75	545
Kunak	29	27	18	0	1	75	411
Kota Marudu	0	50	21	0	1	72	735
Putatan	0	32	31	0	1	64	449
Kuala Penyu	0	44	16	0	0	60	441
Semporna	0	0	41	0	10	51	413
Sipitang	0	20	28	0	0	48	255
Kudat	0	4	35	0	0	39	275
Telupid	0	22	13	0	1	36	252
Beluran	0	22	5	0	0	27	231
Tambunan	0	14	9	0	3	26	139
Kinabatangan	0	14	4	0	0	18	312
Tenom	0	7	11	0	0	18	146
Nabawan	1	14	3	0	0	18	110
Tongod	0	0	14	0	0	14	54
Pitas	0	0	9	0	2	11	93
Kalabakan	0	1	6	0	0	7	28
<b>JUMLAH</b>	<b>41</b>	<b>1,390</b>	<b>2,277</b>	<b>0</b>	<b>183</b>	<b>3,891</b>	<b>26,074</b>

- d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Jalan Pintas Sembulan	8
Kunak	Kluster Jalan Getah	29
Nabawan	Kluster Loboh Nabawan	1
Kota Belud	Kluster Pengkalan Abai	3
<b>Jumlah</b>		<b>41</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,108 unit

- Hospital 1,548 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,220 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 312 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 67.58%.

## **B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 13 FEBRUARI 2022**

i. Tempatan/Import/Tahanan

<b>Import/Tempatan</b>	
Tempatan	3,839
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	52
<b>Jumlah</b>	<b>3,891</b>

ii. Kewarganegaraan

<b>Kewarganegaraan</b>	
Malaysia	3,754
Bukan Malaysia	137
<b>Jumlah</b>	<b>3,891</b>

iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	189
Belum Menerima Vaksin (5-11)	329
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	153
Menerima 1 Dos	4
Lengkap 2 Dos	2,491
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	725
<b>Jumlah</b>	<b>3,891</b>

iv. Umur

<b>Umur (Tahun)</b>	
<1	33
1 to 5	156
6 to 11	329
12 to 17	259
18 to 25	620
26 to 59	2,259
>60	235
<b>Jumlah</b>	<b>3,891</b>

## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 12 Februari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 12,755. Daripada jumlah ini, seramai 10,047 orang adalah penduduk dewasa, 243 orang adalah penduduk remaja 2,465 orang adalah penduduk kanak-kanak.



- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 12 Februari 2022 adalah seramai 2,464,144 orang. Ini meliputi 2,117,949 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 77.96% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,411,737 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,098,398 orang atau 77.24% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 337,874 orang atau 79.28% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 313,339 atau 73.52% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 8,321 atau 2.02% orang telah menerima 1 dos vaksin.

#### **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **681,807** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

#### **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**

- 1 Sebanyak 11 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - 11 Orang : Individu Gagal Memastikan Penjarakan Fizikal
- 2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 203 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 62 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.

3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 937 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
- ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 602 premis perniagaan dan 5104 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.

4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 129 Premis Perniagaan melibatkan 59 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 21 anggota di enam (6) lokasi.

6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 16 premis, melibatkan tujuh (7) buah BBP pada hari ini.

7 Sejumlah 111 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.

8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 122 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **97.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Papar	97.6%
2	Keningau	97.6%
3	Tenom	97.6%
4	Sipitang	97.6%
5	Kinabatangan	97.6%
6	Semporna	97.6%
7	Lahad Datu	97.5%
8	Kunak	97.5%
9	Beluran	97.5%
10	Kudat	97.5%
11	Kota Marudu	97.5%
12	Tawau	97.5%
13	Beaufort	97.5%
14	Tuaran	97.5%
15	Kota Kinabalu	97.4%
16	Kota Belud	97.4%
17	Sandakan	97.4%
18	Penampang	97.4%
19	Ranau	97.4%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**